

04 NOV 1999

DR MAHATHIR SAKSIKAN UPACARA PERJANJIAN JUAL KONDO

CYBERJAYA, 4 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyaksikan upacara menandatangani perjanjian menjual 106 unit kondominium antara Tindak Murni Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Country Heights Holdings Berhad (CHHB) dan Net-Linx Asia Pacific Sdn Bhd.

CHHB diwakili oleh pengarah urusannya Tan Sri Lee Kim Yew manakala Net-Linx diwakili oleh presidennya Holm Hall Bauer.

Mengikut perjanjian itu, Net-Linx akan membayar RM32.26 juta bagi pembelian unit-unit kondominium itu yang terletak di dalam kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC) di sini.

Lee, dalam ucapannya, berkata kondominium itu yang dikenali sebagai Cyber Heights Villa telah direka bentuk dengan mengambil kira konsep persekitaran MSC.

MSC, yang terletak di selatan Kuala Lumpur, merupakan pusat pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

Lee berkata para penduduk villa itu juga berpeluang melengkapkan unit kediaman mereka dengan alat pengesan khas, yang boleh dihubungkan kepada komputer pangku atau telefon yang akan mengawal satu hos fungsi seperti kawalan lampu atau kawalan alat pendingin hawa.

Selain itu, unit kediaman itu boleh dilengkapi dengan soket komputer yang menghubungkan kepada gentian optik MSC dengan keupayaan suara, data atau video, katanya.

Net-Linx Asia Pacific Sdn Bhd ialah sebuah syarikat berstatus MSC, yang baru diwujudkan sebagai ibu pejabat serantau bagi satu daripada pembekal dunia sistem perisian bersepadu untuk pengiklanan, telekomunikasi, industri maklumat dan penerbitan direktori.

-- BERNAMA

ARA NAK